

# DI PENGHUJUNG GULUNG?

Pendapatan yang menyusut, kerugian yang meningkat serta kebimbangan terhadap aliran tunai memberikan tekanan kepada model perniagaan tradisional Kamdar. Kebangkitan e-dagang yang pesat serta persaingan dalam dunia digital mendedahkan kelemahan Kamdar dalam usaha menyesuaikan diri dengan perubahan landskap industri runcit.

> **Sorotan Penting MSWG**  
Muka 6

> **Tinjauan Mingguan AGM/EGM MSWG**  
Muka 8

## ADAKAH INI SULAMAN TERAKHIR KAMDAR?

Kamdar Group (M) Berhad (Kamdar) telah menjadi nama yang sinonim dengan industri runcit Malaysia selama beberapa dekad. Syarikat ini terkenal dengan produk tekstil dan hiasan rumah yang mampu dimiliki oleh kumpulan berpendapatan B40. Kamdar membina reputasinya sebagai penyedia produk berkualiti pada harga yang berpatutan. Namun, apabila industri runcit mengalami perubahan yang besar, syarikat ini kini berdepan dilema dengan pendapatan yang menyusut serta persaingan yang semakin sengit yang menyebabkan timbulnya keperluan mendesak untuk merangka semula strateginya.

### Cabaran Besar Kamdar

Dalam beberapa tahun kebelakangan ini, industri runcit telah mengalami gelombang perubahan yang didorong oleh kemunculan e-dagang serta perubahan tingkah laku pengguna. Perubahan ini mencetuskan cabaran yang besar kepada Kamdar, yang bergantung pada jualan secara tradisional daripada kedai fizikalnya.

Pesaing Kamdar telah memanfaatkan platform digital seperti TikTok Shop, Shopee dan Instagram Shop, yang menawarkan pengalaman membeli-belah yang menarik dan mudah; sesuatu yang sukar ditandingi oleh kedai fizikal. Walaupun Kamdar telah berusaha meningkatkan kehadirannya dalam talian, termasuk membangunkan platform e-dagang, usaha ini masih belum mencukupi untuk bersaing dengan strategi digital yang agresif oleh pesaingnya.

Laporan kewangan Kamdar menunjukkan betapa seriusnya cabaran ini. Pendapatan runcit syarikat merosot secara mendadak daripada RM65.82 juta pada tahun kewangan 2023 kepada RM52.79 juta pada tahun kewangan 2024, iaitu penurunan hampir 24.71%. Trend ini menggambarkan permintaan yang semakin perlahan terhadap tekstil dan kelengkapan rumah, terutama daripada kedai fizikal.

Lebih membimbangkan, kerugian sebelum cukainya meningkat daripada RM4.3 juta pada tahun kewangan 2023 kepada RM9.9 juta pada tahun kewangan 2024. Kerugian selepas cukai pula berjumlah RM10.8 juta, jauh lebih rendah berbanding keputusan kewangan pada tahun-tahun sebelum ini.

Selain itu, baki tunai dan bank syarikat merosot daripada RM9.0 juta pada tahun kewangan 2023 kepada RM3.7 juta pada tahun kewangan 2024. Aliran tunai keluar bersih berjumlah RM10.7 juta, yang disebabkan oleh aktiviti operasi, pelaburan dan pembiayaan, menonjolkan tekanan dalam pengurusan aliran tunai syarikat. Inventori bernilai RM76.7 juta pula berisiko menjadi stok bergerak perlahan yang sukar dijual, yang akan mengikat modal dan memburukkan lagi isu kecairan.

Masalah ketidakcekapan operasi memburukkan lagi situasi Kamdar. Perbelanjaan pentadbiran melonjak kepada RM30.9 juta, yang merangkumi sebahagian besar

daripada kos syarikat. Kadar pusing ganti inventori pula agak perlahan, dengan banyak stok yang berisiko menjadi usang atau diturunkan nilai dari semasa ke semasa. Selain itu, aset melahu yang tidak digunakan sepenuhnya, termasuk hartanah yang tidak menjana pendapatan, menunjukkan peluang yang terlepas untuk meningkatkan aliran tunai dan keuntungan. Ketidakecekapan ini menunjukkan keperluan yang mendesak untuk kawalan operasi yang lebih ketat serta model perniagaan yang lebih tangkas.

### **Tekanan Berganda: Kekangan Pasaran dan Gangguan Dalam Talian**

Selain tekanan terhadap prestasi kewangannya, fokus Kamdar terhadap kumpulan berpendapatan B40 secara strategik membataskan potensi pertumbuhannya. Model perniagaan Kamdar sememangnya memberikan fokus kepada golongan B40, namun inflasi dan kos sara hidup yang meningkat mengurangkan perbelanjaan kumpulan ini ke atas barangan bukan keperluan seperti tekstil dan hiasan rumah.

Sebaliknya, pesaing telah mempelbagaikan aliran pendapatan mereka, menerokai sektor bermargin tinggi seperti pembangunan hartanah dan pusat data. Kepelbagaian strategik ini telah memberikan mereka daya tahan dan sumber pendapatan alternatif, sesuatu yang tidak dimiliki oleh Kamdar pada masa ini.

Dalam era digital ini, model runcit tradisional Kamdar menghadapi ancaman yang semakin meningkat daripada platform e-dagang dan penjual yang berasaskan media sosial. Platform seperti TikTok Shop dan Instagram Shop mengubah pengalaman bidang runcit, menggabungkan hiburan dengan membeli-belah untuk menarik penonton yang lebih muda dan celik teknologi. Shopee, dengan kepelbagaian produknya serta kempen pemasaran yang agresif, menjadi platform pilihan ramai pengguna. Semua ini tidak dapat ditandingi oleh Kamdar, dengan kehadiran digitalnya yang agak sederhana serta penglibatan dalam taliannya yang terhad, menyebabkan syarikat itu sukar menarik dan mengekalkan pelanggan.

### **Peluang untuk Berubah**

Walaupun berdepan cabaran, Kamdar masih mempunyai kekuatan yang boleh dimanfaatkan iaitu jenama yang kukuh serta pelanggan setia yang boleh menjadi asas kepada transformasi. Oleh itu, Kamdar perlu melaksanakan strategi transformasi yang berani dan menyeluruh.

Transformasi digital perlu menjadi teras utama strategi ini. Kamdar hendaklah melabur dalam platform e-dagang yang kukuh bagi memastikan pengalaman membeli-belah yang lancar serta disokong oleh kempen pemasaran digital yang disasarkan di platform seperti TikTok dan Instagram. Selain itu, Kamdar boleh bekerjasama dengan pasaran dalam talian (*marketplace*) yang sudah mapan serta pengengaruh utama (*Key Opinion Leader, KOI*) yang boleh membantu Kamdar mencapai pelanggan yang lebih meluas, sekaligus meningkatkan jualan dalam talian.

Kamdar juga perlu meneroka peluang mempelbagaian bagi meningkatkan kelangsungan perniagaannya. Syarikat ini boleh memanfaatkan hartanahnya yang sedia ada bagi menjana sumber pendapatan alternatif, seperti membangunkan ruang kerja bersama (*co-working spaces*), apartmen servis atau pusat data. Usaha seperti ini bukan sahaja mampu menjana pendapatan tambahan tetapi juga mengurangkan pergantungan kepada perniagaan runcit tradisional.

Selain itu, Kamdar boleh mempertimbangkan untuk memperluas rangkaian produknya bagi menarik minat kumpulan pelanggan yang berpendapatan sederhana dan tinggi. Syarikat ini juga boleh bekerjasama dengan pereka untuk menghasilkan koleksi eksklusif dan edisi terhad, sekaligus meluaskan jangkauan pasaran mereka.

Inisiatif kelestarian Kamdar juga boleh menjadi kelebihan daya saingnya. Syarikat ini telah mengambil langkah awal untuk mempromosikan amalan mesra alam, seperti mengurangkan penggunaan plastik dan menawarkan fabrik yang mesra alam. Dengan memperhebat usaha ini, Kamdar mampu menarik perhatian pengguna yang prihatin terhadap alam sekitar serta menyesuaikan diri dengan trend global yang berkaitan Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG). Langkah ini bukan sahaja mengukuhkan imej jenama tetapi juga membuka peluang untuk kerjasama dan pelaburan daripada pelabur yang cakna akan hal-hal yang berkaitan ESG.

## **Membayangkan Perjalanan Baharu untuk Kamdar**

Kamdar kini berada di persimpangan yang penting, berdepan pelbagai cabaran yang memerlukan tindakan yang tegas dan segera. Prestasi kewangannya yang kurang memberangsangkan, dengan penurunan pendapatan dan kerugian yang semakin meningkat, menandakan keperluan yang mendesak untuk campur tangan strategik.

Operasi yang kurang cekap, ditambah dengan kekangan model perniagaan tradisional turut memburukkan keadaan, meletakkan Kamdar dalam risiko besar jika syarikat itu tidak mengambil apa-apa tindakan. Bagaimanapun, di sebalik cabaran ini, terdapat peluang yang besar untuk syarikat ini berubah dan berkembang, dengan syarat Kamdar sanggup menyesuaikan diri dan berinovasi.

Pemegang saham minoriti mendesak Kamdar supaya mengambil langkah strategik bagi menangani cabaran jangka pendek dan jangka panjang. Mereka mahukan pelan tindakan yang jelas untuk transformasi digital, termasuk pelaburan dalam e-dagang dan teknologi supaya kekal berdaya saing. Pemegang saham juga menuntut ketelusan dalam pengurusan kewangan, peningkatan kecekapan operasi serta penggunaan aset melalu dengan lebih baik bagi meningkatkan keuntungan.

Di samping itu, mereka turut menggesa langkah mempelbagaian bagi mengurangkan pergantungan terhadap satu segmen pelanggan serta usaha mampan yang sejajar dengan standard global ESG, yang mampu menarik perhatian pengguna dan pelabur yang peka terhadap isu sosial.


Adakah Kamdar berani mengorak langkah untuk mengharungi cabaran dan merebut peluang dalam era digital? Mampukah kepimpinan syarikat memenuhi jangkaan pemegang saham, memastikan keuntungan dan kelestarian dalam transformasinya? Paling penting, bagaimanakah Kamdar menyeimbangkan legasinya dengan inovasi bagi menjamin masa depan Syarikat dalam landskap runcit yang sentiasa berubah-ubah? Soalan-soalan ini mencerminkan keputusan kritikal yang perlu dibuat oleh Kamdar dalam usaha merangka hala tuju masa depannya.

**[TAMAT]**

## SOROTAN PENTING MSWG

### MSWG KETENGAHKAN INTEGRITI KORPORAT DAN KELESTARIAN DI KONVENSYEN NASIONAL

Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti (MSWG) telah mengambil bahagian dalam Konvensyen Nasional Sistem Integriti Korporat Malaysia 2024 (*Malaysian Corporate Integrity System National Convention 2024*) yang dianjurkan oleh Institut Integriti Malaysia (*Malaysian Institute of Integrity, IIM*) pada 21 November 2024 di Pusat Dagangan Dunia Kuala Lumpur.



Dalam konvensyen itu, MSWG menekankan kepentingan mengintegrasikan kelestarian ke dalam rangka kerja integriti korporat. Sebagai wakil suara pemegang saham minoriti, MSWG menyeru pendekatan tadbir urus yang melangkaui pematuhan undang-undang dengan menjadikan kelestarian sebagai tunjang utama.

Isu utama yang dibangkitkan oleh MSWG termasuklah:

- 1) **Tadbir Urus Yang Mampan** - Keperluan organisasi untuk menyelaraskan strategi kelestarian dengan matlamat jangka panjang bagi memastikan penciptaan nilai untuk semua pihak berkepentingan.
- 2) **Ketelusan dan Akauntabiliti** - Kepentingan pendedahan yang jelas dan menyeluruh tentang inisiatif kelestarian bagi mengurangkan risiko reputasi serta mengelakkan acah hijau (*greenwashing*).
- 3) **Tindakan Berasaskan Prinsip** - Peranan keputusan yang didorong oleh integriti dalam mengimbangi prestasi kewangan, penjagaan alam sekitar serta kesan sosial.

Konvensyen ini turut mengetengahkan pengiktirafan yang semakin meningkat terhadap integriti dan kelestarian, yang mana kedua-dua elemen tersebut tidak boleh dipisahkan dalam landskap korporat hari ini. Dengan mengamalkan pendekatan tadbir urus holistik yang mengintegrasikan prinsip ESG, sesebuah organisasi dapat mengukuhkan kepercayaan dalam kalangan pihak berkepentingan serta menempatkan diri untuk terus maju dalam masa depan yang menekankan akauntabiliti dan amalan bertanggungjawab.



## Tinjauan Mingguan AGM/ EGM MSWG untuk tempoh 16 hingga 20 Disember 2024

Berikut adalah AGM/ EGM untuk syarikat di bawah senarai pemantauan Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti (MSWG) pada minggu ini.

Ringkasan perkara penting disenaraikan di bawah, manakala butiran terperinci soalan yang diajukan kepada syarikat boleh didapati di laman sesawang MSWG di [www.mswg.org.my](http://www.mswg.org.my)

### TINJAUAN RINGKAS

Tarikh & Masa	Syarikat	Tinjauan ringkas
17.12.24 (Selasa) 11.00 pagi	P.A. Resources Berhad (AGM)	<p>P.A. Resources menyaksikan pendapatannya meningkat 22% pada tahun kewangan 2024, mencapai rekod tertinggi baharu berjumlah RM564.6 juta. Seiring dengan peningkatan itu, keuntungan sebelum cukainya meningkat 37% kepada RM60.6 juta.</p> <p>Pertumbuhan yang kukuh itu didorong oleh kejayaannya dalam melaksanakan pengembangan kapasiti, yang membolehkan Kumpulan memenuhi pesanan pelanggan yang kian meningkat.</p> <p>Pada tahun kewangan 2024, P.A. Resources menceburi industri perladangan dengan menawarkan peralatan menuai untuk sektor kelapa sawit. Dengan memanfaatkan barisan pengeluaran yang sedia ada, Kumpulan melihat usaha niaga baharu ini sebagai bersinergi dengan operasi semasanya.</p>
17.12.24 (Selasa) 11.00 pagi	Tomypak Holdings Berhad (AGM)	<p>Pengeluar pembungkusan pengguna yang beribu pejabat di Johor ini bergelut untuk memulihkan prestasi kewangannya susulan insiden kebakaran besar yang berlaku di kilangnya di Senai pada Disember 2021.</p> <p>Tomypak berada dalam kedudukan rugi pada tahun kewangan 2024 dan kerugian itu diteruskan pada suku pertama tahun kewangan 2025 yang berakhir 30 September 2024. Walaupun pendapatannya meningkat hampir dua kali ganda kepada RM56.54 juta</p>



Tarikh & Masa	Syarikat	Tinjauan ringkas
		<p>untuk suku pertama tahun kewangan 2025, syarikat mengalami kerugian operasi sebanyak RM3.7 juta. Kerugian ini menandakan peningkatan yang ketara berbanding dengan kerugian sebanyak RM7.67 juta dalam tempoh yang sama tahun lepas.</p> <p>Kerugian bersih suku tahunannya menyusut kepada RM6.5 juta daripada RM8.1 juta sebelum ini.</p>
17.12.24 (Selasa) 11.30 pagi	Scientex Packaging (Ayer Keroh) Berhad (AGM)	<p>SPAK, sebuah anak syarikat Scientex Berhad, mencatatkan penurunan pendapatan sebanyak 7.9% kepada RM713.5 juta daripada RM774.8 juta pada tahun kewangan sebelumnya. Penurunan ini berpunca daripada sentimen dan permintaan pengguna yang lemah dalam pasaran eksport dan domestik.</p> <p>Menurut syarikat, kenaikan kadar tambang akibat gangguan penghantaran menimbulkan satu lagi cabaran besar untuk Kumpulan.</p>
18.12.24 (Rabu) 09.30 pagi	MCE Holdings Berhad (AGM)	<p>Pendapatan Kumpulan pada tahun kewangan 2024 meningkat sedikit, berjumlah RM155.66 juta berbanding dengan RM154.89 juta pada tahun sebelumnya.</p> <p>Walaupun berdepan persekitaran yang mencabar pada tahun kewangan 2024, keuntungan bersih Kumpulan meningkat sebanyak 3.3% kepada RM15.90 juta (tahun kewangan 2023: RM15.39 juta), terutamanya disebabkan oleh kos langsung yang lebih rendah daripada peningkatan kecekapan operasi, serta peningkatan dalam pendapatan lain.</p> <p>Dengan penempatan semula kemudahan pembuatannya ke ASEAN, Kumpulan berada dalam kedudukan yang baik untuk memanfaatkan peluang pertumbuhan yang muncul dalam rantaian bekalan automotif di rantau ini serta peluang eksport baharu.</p>

Tarikh & Masa	Syarikat	Tinjauan ringkas
18.12.24 (Rabu) 11.30 pagi	Scientex Berhad (AGM)	Scientex mencatatkan pendapatan dan keuntungan bersih yang memecahkan rekod pada tahun kewangan 2025, masing-masing dengan peningkatan 9.8% dan 24.4%, kepada RM4.5 bilion dan RM545.2 juta. Prestasi yang membanggakan itu didorong oleh bahagian Hartanah. Sebaliknya, bahagian Pembungkusan menghadapi situasi berikutan permintaan yang lemah terhadap pembungkusan pengguna serta harga jualan yang lebih rendah.
19.12.24 (Khamis) 10.00 pagi	Borneo Oil Berhad (AGM)	<p>Pendapatan Kumpulan merosot sebanyak 7.5% kepada RM78.56 juta pada tahun kewangan berakhir 30 Jun 2024 (tahun kewangan 2024) daripada RM84.99 juta pada tahun kewangan 2023. Bagaimanapun, Kumpulan mencatatkan keuntungan bersih sebanyak RM36.33 juta, peningkatan yang ketara berbanding dengan kerugian sebanyak RM13.04 juta pada tahun kewangan 2023 (halaman 5, Laporan Tahunan 2024).</p> <p>Pemulihan prestasi ini sebahagian besarnya didorong oleh keuntungan nilai saksama yang besar ke atas sekuriti disebut harga, berjumlah RM159.88 juta, terutamanya daripada Verde Resources, Inc. (VRDR), yang didagangkan dalam pasaran OTC Amerika Syarikat.</p>
19.12.24 (Khamis) 11.00 pagi	Borneo Oil Berhad (EGM)	<p>EGM ini bertujuan mendapatkan kelulusan pemegang saham untuk:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Cadangan terbitan bonus sehingga 3.52 bilion waran percuma berdasarkan satu waran untuk setiap empat saham sedia ada yang dipegang.</li> <li>- Cadangan penubuhan skim opsyen saham pekerja (<i>employees' share option scheme</i>, ESOS) baharu sehingga 15% daripada jumlah saham terbitan Bornoil</li> </ul>
19.12.24 (Khamis) 10.30 pagi	Seal Incorporated Berhad (AGM)	Kumpulan mencatatkan pendapatan sebanyak RM15.7 juta pada tahun kewangan

Tarikh & Masa	Syarikat	Tinjauan ringkas
		<p>2024, menyusut 70% daripada RM51.5 juta pada tahun kewangan sebelumnya.</p> <p>Penurunan ini sebahagian besarnya berpunca daripada ketiadaan kutipan tidak berulang daripada pelupusan tanah, yang melonjakkan pendapatan dengan ketara pada tahun kewangan 2023.</p> <p>Sementara itu, keuntungan kasarnya merosot daripada RM24.4 juta pada tahun kewangan 2023 kepada RM7.4 juta. Prestasi Kumpulan beralih daripada keuntungan sebelum cukai sebanyak RM16.16 juta pada tahun kewangan 2023 kepada kerugian sebelum cukai sebanyak RM1.84 juta pada tahun kewangan 2024.</p>
19.12.24 (Khamis) 12.00 tengah hari	YNH Property Berhad (AGM)	<p>Pada tahun kewangan 2024, Kumpulan melaporkan pendapatan berjumlah RM135.7 juta, mewakili penurunan sebanyak 55.86% berbanding dengan RM307.5 juta yang dijana dalam tempoh kewangan berakhir 30 Jun 2023 (tempoh kewangan berakhir 2023).</p> <p>Pendapatan yang merosot sebahagian besarnya disebabkan oleh kemajuan tapak yang lebih perlahan daripada jangkaan, selain tempoh pelaporan untuk tempoh kewangan berakhir 2023 yang merangkumi tempoh 18 bulan berbanding 12 bulan untuk tahun kewangan 2024. Kerugian yang direkodkan berpunca daripada kos kewangan yang tinggi yang ditanggung oleh Kumpulan.</p>

## PERKARA PENTING

Syarikat	Perkara/ Isu Untuk Diajukan
P.A. Resources Berhad (AGM)	Selepas membuat penyelidikan pasaran, PARB menceburi industri perladangan dengan menawarkan peralatan menuai untuk sektor kelapa sawit. Dengan memanfaatkan barisan pengeluaran yang sedia ada, Kumpulan melihat usaha niaga baharu ini sebagai bersinergi dengan operasi semasanya. (Halaman 12, Laporan Tahunan 2024)

Syarikat	Perkara/ Isu Untuk Diajukan
	<p>a) Apakah saiz pasaran semasa untuk peralatan menuai kelapa sawit dalam pasaran yang disasarkan oleh Kumpulan?</p> <p>b) Bagaimanakah landskap daya saing dalam pasaran peralatan menuai kelapa sawit? Bagaimanakah PARB merancang untuk membezakan produknya daripada pesaing yang sedia ada?</p> <p>c) Berapakah pelaburan modal awal yang dibelanjakan untuk usaha niaga ini? Apakah margin keuntungan yang dijangkakan daripada peralatan menuai tersebut?</p>
Tomypak Holdings Berhad (AGM)	<p>1. Pada November 2023, anak syarikat milik penuh Tomypak iaitu Tomypak Flexible Packaging Sdn Bhd (TFP) memperoleh 70% pegangan ekuiti dalam EB Packaging Sdn Bhd (EBP) pada harga RM73.5 juta. Susulan itu, pada April 2024, TFP melaksanakan opsyen panggilan pertama untuk memperoleh tambahan 10% dalam EBP pada harga RM10.5 juta.</p> <p>a) Berapakah jumlah pendapatan dan keuntungan daripada EBP yang diiktiraf dalam penyata kewangan Tomypak pada tahun kewangan 2024?</p> <p>b) Pada skala 0 hingga 100%, sejauh manakah perniagaan dan operasi EBP telah disepadukan ke dalam Kumpulan (halaman 7, Laporan Tahunan 2024)? Apakah cabaran utama dalam usaha untuk menyepadukan operasi EBP ke dalam Tomypak?</p> <p>c) Selain itu, sila berikan contoh peluang <i>cross selling</i> (jualan silang atau cadangan supaya pelanggan membeli barangan lain yang saling berkaitan) dan <i>upselling</i> (cadangan supaya pelanggan menambah baik pembelian) antara TFP dan EBP.</p> <p>2. Tomypak melaporkan peningkatan hampir dua kali ganda dalam pendapatan untuk suku pertama tahun kewangan 2025 berakhir 30 September 2024, berjumlah RM56.54 juta berbanding dengan RM14.59 juta pada suku pertama tahun kewangan 2024.</p> <p>Walaupun mencatatkan pertumbuhan pendapatan yang ketara, Syarikat mengalami kerugian operasi sebanyak RM3.7 juta. Jumlah ini mewakili peningkatan yang ketara berbanding dengan kerugian sebanyak RM7.67 juta dalam tempoh yang sama tahun lepas. Selain itu, kerugian bersih suku tahunan menyusut kepada RM6.5 juta daripada RM8.1 juta sebelum ini.</p> <p>a) Apakah kemungkinan Kumpulan berjaya memulihkan prestasinya pada tahun kewangan 2025? Sejauh manakah</p>

Syarikat	Perkara/ Isu Untuk Diajukan
	<p>lagi perjalanan Kumpulan untuk kembali memperoleh keuntungan serta memulihkan kapasiti pengeluaran kepada tahap sebelum berlaku kebakaran?</p> <p>b) Mengikut pemerhatian Tomypak, TFP mengalami kitaran jualan yang lebih panjang disebabkan oleh proses penerimaan pelanggan yang lebih kompleks. Bagaimanapun, EBP mendapat manfaat daripada kitaran jualan yang lebih pendek serta prosedur yang lebih ringkas.</p> <p>Bagaimanakah Kumpulan memanfaatkan perbezaan kitaran jualan ini untuk memaksimumkan pulangannya?</p>
Scientex Packaging (Ayer Keroh) Berhad (AGM)	<p>1. Pendapatan SPAK menyusut sebanyak 7.9% kepada RM713.5 juta daripada RM774.8 juta pada tahun kewangan sebelum ini disebabkan oleh sentimen dan permintaan pengguna yang lemah dalam pasaran eksport dan domestik.</p> <p>Adakah penurunan dalam pendapatan ini didorong oleh harga jualan purata (<i>average selling price, ASP</i>) atau volum jualan yang lebih rendah? Bagaimanakah perubahan permintaan dari tahun ke tahun? Apakah ASP pada tahun kewangan 2024 berbanding dengan tahun sebelumnya? Apakah pertumbuhan atau penurunan volum pengeluaran di Malaysia pada tahun kewangan 2024?</p> <p>2. Secara keseluruhannya, SPAK mengalami pulangan ekuiti (<i>return in equity, ROE</i>) yang merosot sejak lima tahun lalu, daripada 18.86% kepada 7.95% pada masa ini. Seiring dengan penurunan ROE, margin keuntungan bersih juga menyusut daripada 7.7% pada tahun kewangan 2020 kepada 4.56% pada tahun kewangan 2024.</p> <p>Bagaimanakah prestasi ROE pada tahun kewangan 2024 berbanding dengan sasaran dalaman yang telah ditetapkan, jika ada? Bagaimanakah ROE semasa Syarikat jika dibandingkan dengan syarikat-syarikat seangkatannya dalam industri dan puratanya sebelum ini? Pada pendapat anda, apakah langkah utama yang perlu dilakukan untuk meningkatkan ROE?</p> <p>Selain itu, apakah sasaran ROE yang perlu dicapai pada tahun kewangan 2025? Selain daripada ROE, apakah sasaran kewangan lain yang ditetapkan oleh Kumpulan?</p>
MCE Holdings Berhad (AGM)	Inventori Kumpulan yang diturunkan nilai meningkat dengan ketara kepada RM926,289 (tahun kewangan 2023: RM92,614), begitu juga inventori yang dihapus kira, yang meningkat dengan ketara kepada

Syarikat	Perkara/ Isu Untuk Diajukan
	<p>RM358,314 (tahun kewangan 2023: RM146,434) (halaman 86, Laporan Tahunan 2024)</p> <p>a) Apakah yang menyebabkan peningkatan ketara dalam penurunan nilai inventori dan adakah terdapat produk khusus yang menyumbang kepada peningkatan ini? Berapakah daripada jumlah inventori yang telah diturunkan nilai ini masih boleh digunakan atau dijual?</p> <p>b) Apakah isu inventori yang dihadapi oleh Kumpulan yang menyebabkan peningkatan ketara dalam inventori dihapus kira?</p>
Scientex Berhad (AGM)	<p>1. Scientex melaporkan peningkatan sebanyak 3.95% dalam volum jualan kepada 266,650 tan metrik berbanding dengan 256,510 tan metrik pada tahun sebelumnya (halaman 61, Laporan Tahunan Bersepadu 2024). Bagaimanapun, pendapatannya sedikit rendah, berjumlah RM2.59 bilion berbanding dengan RM2.63 bilion sebelum ini, menunjukkan bahawa harga jualan produk menghadapi tekanan menurun pada tahun tersebut.</p> <p>a) Segmen Pembungkusan Pengguna dilaporkan mengalami penurunan permintaan dalam tahun kewangan 2024. Sebaliknya, segmen Pembungkusan Industri mengalami permintaan yang lebih baik.</p> <p>Apakah faktor utama yang menyumbang kepada kelembapan permintaan dalam segmen Pembungkusan Pengguna? Bagaimanakah perubahan tahun ke tahun untuk purata harga jualan produk serta volum jualan dalam segmen tersebut? Apakah pecahan volum jualan serta pendapatan untuk kedua-dua segmen itu?</p> <p>b) Secara keseluruhan, apakah jumlah pengeluaran Kumpulan pada tahun kewangan 2024? Selain itu, apakah purata kadar penggunaan kapasiti untuk kesemua 18 kilang pembuatannya? Bagaimanakah pula prestasi kilang pembuatan Scientex di Phoenix, Arizona dari segi operasi dan kewangan pada tahun kewangan 2024?</p> <p>c) Adakah terdapat sebarang pemulihan dalam permintaan untuk bahagian Pembungkusan Pengguna? Apakah pemangkin yang dijangka dapat mengukuhkan lagi prestasi kewangan dalam kedua-dua segmen pada tahun kewangan 2025?</p> <p>d) Keuntungan operasi untuk bahagian Pembungkusan dilihat meningkat 18.5% kepada RM218.0 juta, didorong oleh</p>

Syarikat	Perkara/ Isu Untuk Diajukan
	<p>campuran produk yang menggalakkan serta peningkatan dalam kecekapan operasi.</p> <p>Apakah campuran produk khusus yang dimaksudkan oleh Kumpulan? Di samping itu, apakah contoh kecekapan operasi yang dicapai pada tahun kewangan 2024?</p>
Borneo Oil Berhad (AGM)	<p>1. Pendapatan Kumpulan merosot sebanyak 7.5% kepada RM78.56 juta pada tahun kewangan berakhir 30 Jun 2024 (tahun kewangan 2024) daripada RM84.99 juta pada tahun kewangan 2023. Namun begitu, Kumpulan mencatatkan keuntungan bersih sebanyak RM36.33 juta, peningkatan ketara daripada kerugian berjumlah RM13.04 juta pada tahun kewangan 2023 (halaman 5, Laporan Tahunan 2024).</p> <p>Pemulihan prestasi ini sebahagian besarnya didorong oleh keuntungan nilai saksama yang besar sebanyak RM159.88 juta ke atas sekuriti disebut harga, terutamanya daripada Verde Resources, Inc. (VRDR), yang didagangkan di Pasaran OTC Amerika Syarikat. Setakat 30 Jun 2024, harga saham VRDR ialah AS\$0.45. Jumlah dibawa untuk pelaburan dalam VRDR di peringkat Kumpulan dan Syarikat masing-masing berjumlah RM339.52 juta dan RM337.94 juta (halaman 104, Laporan Tahunan 2024).</p> <p>Bagaimanapun, Bornoil kemudiannya melaporkan kerugian yang besar sebanyak RM157.36 juta pada suku pertama yang berakhir 30 September 2024 kerana ia mencatatkan kerugian nilai saksama sebanyak RM148.38 juta ke atas sekuriti sebut harga VRDR. Setakat 30 September 2024, harga VRDR ditutup pada AS\$0.275. Pelaburan dalam VRDR dilihat menjadi pemacu utama keuntungan dan kerugian Bornoil.</p> <p>a) Berapa lamakah tempoh pelaburan Kumpulan dalam VRDR? Apakah jumlah kos kemasukan jika di bandingkan dengan nilai buku semasa? Berapakah peratus kepentingan ekuiti yang dipegang oleh Bornoil dalam VRDR?</p> <p>b) Pergerakan harga VRDR yang tidak menentu serta hubungannya yang kukuh dengan prestasi kewangan Bornoil mungkin menjejaskan minat pelabur untuk melabur dalam Bornoil.</p> <p>Memandangkan keuntungan nilai yang besar direkodkan dalam VRDR, adakah ini masa yang sesuai untuk Bornoil merealisasikan pelaburannya dalam VRDR?</p>

Syarikat	Perkara/ Isu Untuk Diajukan
	<p>2. Pelaburan dalam syarikat bersekutu (halaman 158 – 161, Laporan Tahunan 2024)</p> <p>Pada April 2022, Bornoil memperoleh 15.5% pegangan dalam Makin Teguh Sdn Bhd (MTSB) pada harga RM50.7 juta. Tidak lama selepas itu pada Julai 2022, Bornoil menambah pegangannya dalam MTSB sebanyak 13.76% lagi dengan harga RM45 juta.</p> <p>Pada 27 Julai 2023, Bornoil memperoleh tambahan 20% kepentingan ekuiti dalam MTSB dengan balasan tunai berjumlah RM40 juta. Selepas selesainya pemerolehan ini, Bornoil kini memegang 49.27% dalam MTSB yang mengendalikan Kilang Pemprosesan Batu Kapur Bersepadu (<i>Integrated Limestone Processing Plant, ILPP</i>) di Lahad Datu.</p> <p>Dalam jawapan kepada soalan MSWG yang bertarikh 16 Disember 2022 (rujuk: BOB/MSWG/sf1612), Bornoil mewajarkan pelaburannya dalam MTSB dengan tujuan mengambil kesempatan atas permintaan yang meningkat untuk simen di Sabah, memandangkan keperluan untuk pembangunan infrastruktur yang semakin meningkat serta pelaksanaan projek mega seperti Lebuhraya Pan Borneo.</p> <p>Bagaimanapun, unjuran optimis Bornoil ini tidak dicerminkan dalam prestasi kewangan MTSB. Sebaliknya, prestasi kewangan MTSB bertambah teruk dengan jualan yang rendah serta kerugian yang lebih tinggi walaupun terdapat aktiviti infrastruktur dan pembinaan yang teguh di Sabah.</p> <p>MTSB terus berada dalam kedudukan rugi pada tahun kewangan 2024 dengan kerugian sebanyak RM62.05 juta (tahun kewangan 2023: -RM201.88 juta). Pendapatannya meningkat sedikit pada RM12.48 juta (tahun kewangan 2023: RM12 juta) (Halaman 161, Nota 9 – Pelaburan dalam syarikat bersekutu, Laporan Tahunan 2024)</p> <p>Sebelum ini, MTSB telah mengalami kerugian pada tahun kewangan 2019 dan tahun kewangan 2020 (rujuk jadual di bawah). Syarikat berjaya mencatatkan keuntungan pada tahun kewangan 2021 terutamanya disebabkan oleh keuntungan nilai saksama daripada hartanah pelaburan. Tanpa keuntungan nilai saksama ini, MTSB mengalami kerugian pada tahun kewangan 2021.</p>



Syarikat	Perkara/ Isu Untuk Diajukan																												
	<table border="1" data-bbox="533 248 1275 461"> <thead> <tr> <th></th> <th colspan="3" style="text-align: center;">&lt;-----Audited FYE 30 June-----&gt;</th> </tr> <tr> <th></th> <th style="text-align: center;">2019</th> <th style="text-align: center;">2020</th> <th style="text-align: center;">2021</th> </tr> <tr> <th></th> <th style="text-align: center;">RM</th> <th style="text-align: center;">RM</th> <th style="text-align: center;">RM</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Revenue</td> <td style="text-align: right;">4,951,798</td> <td style="text-align: right;">32,867,031</td> <td style="text-align: right;">33,834,566</td> </tr> <tr> <td>Gross profit/(loss) ("GP"/"GL")</td> <td style="text-align: right;">(97,139)</td> <td style="text-align: right;">250,217</td> <td style="text-align: right;">6,896,707</td> </tr> <tr> <td>Profit/(Loss) before taxation ("PBT"/"LBT")</td> <td style="text-align: right;">(4,523,646)</td> <td style="text-align: right;">(15,748,267)</td> <td style="text-align: right;">44,951,391</td> </tr> <tr> <td>Profit/(Loss) after taxation ("PAT"/"LAT")</td> <td style="text-align: right;">(25,253,993)</td> <td style="text-align: right;">(15,937,366)</td> <td style="text-align: right;">18,543,478</td> </tr> </tbody> </table> <p data-bbox="533 506 1401 566">Sumber: Pengumuman Bornoil kepada Bursa Malaysia bertarikh 28 Oktober 2022</p> <p data-bbox="533 611 1401 719">a) Dengan pemilikan yang besar sebanyak 49.7% dalam MTSB, adakah Bornoil mempunyai wakil dalam lembaga pengarah MTSB?</p> <p data-bbox="533 763 1401 913">b) Apakah yang menyebabkan kemerosotan prestasi kewangan MTSB dalam tempoh beberapa tahun belakangan ini berbanding prestasinya pada tahun kewangan 2019 hingga tahun kewangan 2021?</p> <p data-bbox="533 958 1401 1066">c) Bornoil menyatakan bahawa MTSB telah memperoleh sijil pematuhan produk yang diperlukan untuk simen (halaman 25, Laporan Tahunan 2024).</p> <p data-bbox="596 1111 1401 1368">Adakah ini bermakna produk simen MTSB telah mematuhi sepenuhnya piawaian yang diperlukan, yang menjadikannya selamat untuk digunakan dalam pembinaan? Dengan adanya sijil ini, adakah pemegang saham dapat menjangkakan peningkatan yang drastik dalam prestasi kewangan MTSB, iaitu jualan produk simen yang lebih tinggi, dalam tempoh dua hingga tiga tahun akan datang?</p> <p data-bbox="533 1413 1401 1637">d) Disebabkan prestasi MTSB yang rendah selama bertahun-tahun, pelaburan Bornoil sebanyak RM135 juta dalam MTSB telah dikurangkan kepada sifar (tahun kewangan 2023: sifar). Jika dilihat daripada prestasi kewangan MTSB, pelaburan ini tidak membuahkan pendapatan walaupun Bornoil telah melaburkan RM135 juta ke dalamnya.</p> <p data-bbox="596 1682 1401 1861">Keputusan untuk menceburi perniagaan itu telah dirangka strateginya oleh Pengarah Urusan Kumpulan iaitu Datuk Joseph Lee Yok Min @ Ambrose, dengan semakan oleh Jawatankuasa Audit dan kelulusan daripada Lembaga Pengarah.</p> <p data-bbox="596 1906 1401 2011">Dengan prestasi kewangan syarikat bersekutu yang suram selepas modal yang besar dilaburkan, bagaimanakah pengurusan dan lembaga pengarah perlu</p>		<-----Audited FYE 30 June----->				2019	2020	2021		RM	RM	RM	Revenue	4,951,798	32,867,031	33,834,566	Gross profit/(loss) ("GP"/"GL")	(97,139)	250,217	6,896,707	Profit/(Loss) before taxation ("PBT"/"LBT")	(4,523,646)	(15,748,267)	44,951,391	Profit/(Loss) after taxation ("PAT"/"LAT")	(25,253,993)	(15,937,366)	18,543,478
	<-----Audited FYE 30 June----->																												
	2019	2020	2021																										
	RM	RM	RM																										
Revenue	4,951,798	32,867,031	33,834,566																										
Gross profit/(loss) ("GP"/"GL")	(97,139)	250,217	6,896,707																										
Profit/(Loss) before taxation ("PBT"/"LBT")	(4,523,646)	(15,748,267)	44,951,391																										
Profit/(Loss) after taxation ("PAT"/"LAT")	(25,253,993)	(15,937,366)	18,543,478																										

Syarikat	Perkara/ Isu Untuk Diajukan
	<p>dipertanggungjawabkan terhadap keputusan pelaburan ini? Berapa lamakah pemegang saham perlu menunggu pulangan yang lebih baik daripada MTSB? Apakah kemungkinan untuk membalikkan rosot nilai ke atas pelaburan dalam MTSB dalam tempoh terdekat?</p> <p>Bagaimanakah Jawatankuasa Imbuhan menilai prestasi ahli lembaga memandangkan prestasi pelaburan Bornoil yang kurang memberangsangkan dalam MTSB?</p> <p>e) Mengapakah pelaburan dalam syarikat bersekutu ini tidak dianggap sebagai Perkara Audit Utama (<i>Key Audit Matter</i>, KAM) memandangkan pelaburan Bornoil yang besar dalam MTSB serta rosot nilai yang dibuat selepas itu?</p>
Seal Incorporated Berhad (AGM)	<p>1. Pada 8 Ogos 2024, Syarikat mengumumkan cadangan pemerolehan 10% pegangan ekuiti tambahan dalam MSR Green Energy Sdn Bhd (MSRGE), sebuah syarikat bersekutu SEAL, pada harga RM21 juta. RM3 juta telah dibayar sebagai deposit yang boleh dikembalikan manakala RM18 juta lagi melalui terbitan saham baharu dalam SEAL. (Halaman 9, Laporan Tahunan 2024)</p> <p>a) Apakah asas yang digunakan untuk mendapatkan pertimbangan pembelian berjumlah RM21 juta untuk tambahan 10% pegangan dalam MSRGE, sedangkan SEAL sebelum ini memperoleh 20% kepentingan pada harga RM15 juta sahaja?</p> <p>b) Mengapakah deposit tunai sebanyak RM3 juta yang boleh dikembalikan dibayar kepada penjual? Adakah deposit yang serupa telah dibayar untuk kepentingan 20% dalam MSRGE sebelum ini dan jika ada, berapakah jumlahnya?</p> <p>c) Pemerolehan 20% pegangan ekuiti ini menghasilkan muhibah sebanyak RM6.01 juta walaupun MSRGE melaporkan kerugian pada tahun kewangan 2024. Bagaimanakah Kumpulan mewajarkan muhibah yang tinggi itu? Bilakah prestasi MSRGE dijangka bertukar menguntungkan? (Halaman 107, Laporan Tahunan 2024)</p> <p>d) Jika pemerolehan ini tidak berjaya, bilakah wang deposit yang berjumlah RM3 juta ini akan dikembalikan? Memandangkan kesukaran untuk mendapatkan semula deposit yang boleh dikembalikan sebelum ini, seperti dalam kes pemerolehan Loji Janakuasa Hutan Melintang, bagaimanakah Syarikat memastikan deposit ini dipulangkan tepat pada masanya?</p>

Syarikat	Perkara/ Isu Untuk Diajukan
	<p>2. Pada 6 September 2023, Syarikat telah menanda tangan Lembaran Tempoh Mengikat (<i>Binding Term Sheet</i>, BTS) dengan Hutan Melintang Power Plant Sdn Bhd (HMPP), pemegang saham tunggalnya iaitu Tan Tang Seong (TTS), Ikhtiar Gawa Sdn Bhd (IGSB) dan pemegang saham IGSB (TTS dan Tan Shun Yu) yang berjumlah RM15 juta. Pada 9 April 2024, Syarikat telah menamatkan BTS ini disebabkan oleh ketekunan wajar yang tidak memuaskan.</p> <p>a) Mengikut perjanjian, IGSB dikehendaki membayar balik kepada Syarikat sebanyak RM5.1 juta, termasuk faedah. Syarikat telah menerima sejumlah RM2.6 juta dan baki tertunggak perlu dibayar dalam berbilang ansuran berserta faedah 12% setahun menjelang Januari 2025. (Halaman 9, Laporan Tahunan 2024)</p> <p>b) Mengapakah Syarikat meneruskan pemerolehan dan membayar deposit yang besar sebelum proses ketekunan wajar diselesaikan?</p> <p>c) Adakah terdapat sebarang kegagalan membayar ansuran untuk baki yang belum dijelaskan? Jika ada, berapakah jumlah yang tertunggak dan adakah ia berjaya dikutip semula?</p>
YNH Property Berhad (AGM)	<p>1. Juruaudit luar mengeluarkan pendapat bersyarat terhadap penyata kewangan Kumpulan disebabkan kelewatan dalam menyelesaikan semakan bebas khas ke atas usaha sama dan kontrak turnkey yang dimeterai untuk kerja-kerja pembangunan dengan rakan usaha sama atau pemilik tanah. (Halaman 11, Laporan Tahunan 2024)</p> <p>a) Bolehkah Pengerusi Jawatankuasa Audit menjelaskan sebab di sebalik kelewatan yang berpanjangan dalam menyelesaikan semakan bebas khas ini? Adakah tarikh akhir yang jelas telah ditetapkan untuk firma perkhidmatan profesional bagi menyelesaikan tugas ini?</p> <p>b) Mengapakah Syarikat memulakan satu lagi semakan bebas khas sedangkan firma guaman bebas telah pun menjalankan semakan sebelum ini? Apakah hasil semakan terdahulu?</p> <p>2. Perjanjian Sub-Jualan (<i>Sub-sale Agreement</i>, SSA) antara Syarikat dengan Great Wall Park Sdn. Bhd. (GWP) dan Perjanjian Jual Beli (<i>Sale &amp; Purchase Agreement</i>, SPA) dengan Imbuan Sempurna Sdn. Bhd. (ISSB), pemilik berdaftar</p>

Syarikat	Perkara/ Isu Untuk Diajukan
	<p>Hartanah, GWP dan Sunway Living Space Sdn. Bhd. (SLS) masih diteruskan kerana bayaran penuh belum diselesaikan dan syarat-syarat perjanjian belum dipenuhi. (Halaman 121, Laporan Tahunan 2024)</p> <p>a) Mengapakah terma dan syarat SSA dan SPA ini belum dipenuhi dan bilakah perjanjian ini dijangka akan diselesaikan?</p> <p>b) Adakah SLS masih berminat untuk membeli tanah tersebut memandangkan SPAnya telah tertangguh?</p>

#### PENDEDAHAN KEPENTINGAN

Berkenaan syarikat-syarikat yang dinyatakan, MSWG memiliki jumlah saham minimum dalam semua syarikat yang diiliputi dalam buletin ini.

#### PENOLAKAN TUNTUTAN

Buletin ini dan isi kandungannya berserta semua hak-hak berkaitan dengannya termasuk hak cipta dimiliki oleh Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad, juga dikenali sebagai Minority Shareholders Watch Group (MSWG).

Isi kandungan dan pendapat yang dinyatakan di dalam buletin ini adalah berdasarkan maklumat yang diperolehi daripada domain awam dan bertujuan untuk memberikan maklumat umum kepada pengguna dan adalah untuk rujukan sahaja. Usaha terbaik telah dilakukan untuk memastikan maklumat yang terkandung di dalam buletin ini adalah tepat dan terkini pada tarikh penerbitan. Walau bagaimanapun, MSWG tidak membuat sebarang waranti nyata atau tersirat atas ketepatan atau kelengkapan maklumat dan pendapat yang terkandung di dalam buletin ini. Tiada maklumat di dalam buletin ini yang bertujuan atau patut dianggap sebagai syor untuk membeli atau menjual atau jemputan untuk melanggan sekuriti tertentu, pelaburan yang berkaitan atau mana-mana instrumen kewangan.

MSWG perlu diberikan perakuan bagi mana-mana bahagian buletin ini yang diterbitkan semula.

MSWG tidak akan bertanggungjawab atau menanggung sebarang liabiliti atas kebergantungan kepada sebarang maklumat atau komen yang terkandung di dalam buletin ini atau jika ia diterbitkan semula oleh pihak ketiga. Semua pembaca atau pelabur dinasihatkan supaya mendapatkan nasihat perundangan atau nasihat profesional yang lain sebelum mengambil sebarang tindakan berdasarkan buletin ini.